

Perak setuju bekalkan air kepada Pulau Pinang

Proses pengaliran melalui Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian ke Seberang Perai

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Kerajaan Perak bersetuju membekalkan air kepada Pulau Pinang melalui Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian ke Seberang Perai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perka-

ra itu dipersetujui Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah dan Menteri Besar negeri berkenaan, Datuk Seri Saarani Mohamad.

“Kita menerima berita baik kerana Tuanku Sultan Nazrin dan kerajaan negeri, Menteri Besar, bersetuju untuk menyediakan bekalan air dari Sungai Perak, mengalir melalui industri hijau Kerian dan sekurangnya ke Seberang Perai. Fasa pertama akan sampai ke Seberang Perai, termasuk Nibong Tebal dan Sungai Bakap.

“Saya juga percaya, dengan hubungan lebih baik dengan Kedah sejak akhir-akhir ini, mudah-mudahan dapat kekal dan boleh dirunding cara lebih profesional keperluan Pulau Pinang bekerjasama dengan Kedah dari soal perbekalan air,” katanya.

Perdana Menteri berkata de-



Anwar pada Majlis Perasmian Penutup Program MADANI Rakyat 2024 Zon Utara serentak Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024 Peringkat Pulau Pinang di Sungai Nibong, semalam.

(Foto Mikail Ong/BH)

mikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Program MADANI Rakyat 2024 Zon Utara serentak Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024 Peringkat Pulau Pinang di Sungai Nibong, dekat sini, semalam.

Bincang projek infrastruktur

Anwar juga memberi jaminan, kerajaan tidak pernah menolak untuk berbincang atau meneliti semua faktor berhubung projek infrastruktur yang merentasi bidang kuasa kerajaan negeri seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) di Kedah, namun mesti melalui proses tertentu.

“Keputusan terakhir (berhubung KXP) ialah Menteri Pengangkutan, Anthony Loke bersetuju untuk meneruskan rundingan, tapi mesti ikut pro-

ses. Setengah orang, dia hentam (kritik) sebab dia tak tahu, bantah dari segi laluan penerbangan, (sedangkan) soal sekuriti, bantahan tentera udara, semua itu kita ambil kira.

“Unjuran kargo, apakah kargo cukup (untuk dikendalikan KXP), semua itu kita bincang, saya serah kepada kementerian mengenai aspek teknikal. Jika mereka rasa patut disegerakan, kita segerakan kerana projek-projek ini akan memberi manfaat kepada negeri dan rakyat. Saya tidak ada masalah sama sekali,” katanya.

Katanya, isu KXP tergantung sebelum ini kerana ia tidak mengikut proses sepatutnya, namun kesediaan pimpinan kerajaan Kedah untuk terus bersamasama meneliti cadangan projek itu memungkinkan proses per-

bincangan disegerakan dengan Loke akan mengambil tindakan dan mengemas kini perkembangannya kepada Kabinet.

“Saya fikir dalam hubungan, kita patut begitu, tapi kalau kita terus pakai hukum dan cerca, susahlah kita nak runding, saya pun tak nak runding. Biar reda dulu baru kita runding, jangan cara panas. Begitu juga cara Islam, runding bila reda,” katanya.

Beliau turut menjelaskan, proses rundingan berhubung pembangunan negeri, termasuk membabitkan Kelantan, Pulau Pinang, Perak dan Kedah sudah selesai.

“Proses itu, kita nampak ada kematangan dalam suasana politik. Dengan kekuatan dan kestabilan politik yang ada, kita boleh menjana pertumbuhan ekonomi,” katanya.